

Filipina hantar pulang gadis mendakwa dirogol

SA 10 DEC 2002

KOTA KINABALU, Isnin - Gadis 13 tahun warga Malaysia yang mendakwa dirogol di pusat tahanan di sini sebelum dihantar ke Zamboanga, Filipina pertengahan tahun ini diserahkan semula kepada Kerajaan Malaysia petang ini.

Gadis itu diserahkan Setiausaha Kebajikan Filipina, Corazon Juliano Soliman kepada Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh, mewakili Kerajaan Malaysia dalam satu majlis di Pusat Perlindungan Kanak-kanak Princess Anne di Likas, kira-kira jam 6.15 petang ini.

Majlis penyerahan turut dihadiri Penasihat Presiden Bagi Hal-Ehwal Masyarakat Islam, Nur Jaafar dan Pegawai Penerimaan Kedutaan Fili-

pina di Kuala Lumpur, Norberto R Basilio yang mengiringi gadis berkenaan dari Manila serta Pengarah Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP) Sabah/Labuan, Ghazali Ahmad.

Dalam kenyataan bersama yang disediakan Kerajaan Filipina, gadis itu disebut sebagai Angelica, manakala dalam kenyataan akhbar, Ghapur menamakannya sebagai Jovina Sung.

Gadis berkenaan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) di sini dengan pesawat MH703 Penerbangan Malaysia (MAS) kira-kira jam 5.15 petang.

Sejurus tiba di pusat perlindungan itu, gadis yang ditutup kepalanya terus dibawa ke bilik khas dikawal rapi kakita-

ngan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta polis yang mengiringinya dari lapangan terbang.

Dia yang disangka warga Filipina kerana tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri dihantar pulang ke Filipina ketika operasi besar-besaran penghantaran pulang pendatang tanpa izin (PTI) di Sabah pada Ogos lalu.

Bagaimanapun, dia mengadu dirogol ketika ditahan di pusat tahanan sementara di Sabah sehingga mencetuskan perselisihan diplomatik Manila dengan Kuala Lumpur.

Berikutan itu, Manila membuat bantahan diplomatik dan mendakwa gadis itu yang dalam proses penghantaran pulang diberi layanan bu-

ruk oleh Malaysia.

Presiden Filipina, Gloria Arroyo Macapagal pernah menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta supaya siasatan dilakukan berhubung kes itu.

Dalam kenyataannya, Ghapur yang mewakili kerajaan Malaysia berkata penyerahan rasmi gadis berkenaan dibuat berdasarkan semangat hubungan dua hala yang baik antara kerajaan Filipina dan Malaysia.

Beliau berkata gadis itu ditempatkan sementara di Princess Anne bagi membolehkan pemerhatian lanjut dan kaunseling sebelum diserahkan semula kepada keluarganya serta bagi membolehkan siasatan lanjut mengenai dakwaan dirogol.